

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN LIM KIT SIANG**
[GELANG PATAH]

TARIKH : **24 MAC 2015 (SELASA)**

SOALAN : Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan purata pendapatan nelayan pantai di Johor mengikut lokasi daerah dan anggaran kekurangan pendapatan ini berikutan dengan aktiviti penambakan laut projek Forest City dan Tanjung Piai Maritime Industrial Park, serta bilangan nelayan yang akan dipengaruhinya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2013, negeri Johor mempunyai 6,354 orang nelayan pantai berdaftar dengan anggaran purata pendapatan sebanyak RM2,660.83. Pecahan jumlah nelayan pantai dan anggaran purata pendapatan mengikut daerah adalah seperti berikut: